

Jabatan Kesihatan Labuan mula beri imunisasi vaksin cegah wabak polio

Oleh Henry Bating

LABUAN: Jabatan Kesihatan WP Labuan mula memberikan imunisasi vaksin oral polio kepada kanak-kanak berumur bawah 13 tahun semalam (15 Jun) sebagai kesiapsiagaan mencegah wabak polio berikutan pengesanan kes itu di Sabah.

Sukarelawan Jabatan Kesihatan Labuan Wan Abdul Rahim berkata, seramai 20 sukarelawan dari Labuan Society turut menyertai misi itu yang akan berakhir 27 Jun.


"Vaksin diberikan secara percuma mengikut zon tempat tinggal semasa di mana penduduk boleh menghubungi Klinik Desa berhampiran untuk mendapatkan imunisasi bagi anak-anak mereka," katanya pada program di SK Tanjung Aru semalam.

Beliau menjelaskan untuk mendapatkan vaksin itu perlu mengisi borang ketika hadir di tempat-tempat yang ditetapkan.

Wan Abdul Rahim berharap kalangan ibu bapa dapat mengambil perhatian terhadap jadual yang telah diedarkan dan memastikan anak-anak mereka yang berumur 13 tahun ke bawah mendapat imunisasi.

Program itu katanya, meletakkan sasaran pemberian imunisasi kepada 20,000 kanak-kanak bawah 13 tahun dengan sasaran 1,000 semalam.

Wan Abdul Rahim meminta ibu bapa agar membawa anak-anak mereka ke pusat-pusat vaksinasi berhampiran kediaman masing-masing bagi mengelak kesesakan dan menjaga jarak sosial.



VAKSIN: Para petugas memberikan imunisasi gigi kepada kanak-kanak.